

16/12/1998

Kemboja diterima jadi ahli ke-10

Hanoi

HANOI, Selasa - Isu kemasukan Kemboja dalam Asean akhirnya terlerai hari ini apabila ketua-ketua negara perkumpulan serantau itu bersetuju menetapkan tarikh khas untuk upacara penerimaan rasmi bagi melengkapkan gagasan ini dengan gelaran Asean 10.

Walaupun tiada sebarang tarikh rasmi ditetapkan, pemerhati politik menjangka upacara itu akan diadakan dalam tempoh dua hingga empat minggu lagi dan Hanoi tetap diberi penghormatan untuk melaksanakan tugas itu.

Seperti yang dijanjikan semalam, Perdana Menteri Vietnam, Phan Vhan Khai, yang diberi penghormatan untuk membuat pengumuman itu pagi ini berkata, ketua-ketua negara Asean mengalu-alukan kejayaan Kemboja mengadakan pilihan raya yang bebas dan adil Julai lalu serta penubuhan kerajaan di bawah pengawasan Raja Norodom Sinhanouk.

"Hasil daripada pertukaran pendapat secara terbuka, ketua-ketua negara Asean mencapai kata sepakat untuk menyenaraikan Kemboja sebagai ahli ke-10 Asean dan mengarahkan menteri luar masing-masing untuk menganjurkan satu upacara kemasukan khas di Hanoi.

"Keputusan itu menjadikan impian kami untuk mempunyai Asean 10 kini tercapai. Dengan ini, ia dapat meningkatkan kekuatan Asean dan kedudukannya di pentas antarabangsa dan menyumbang dalam cara yang penting untuk mengukuhkan keamanan, meningkatkan kerjasama dan pembangunan di Asia Tenggara," katanya dalam ucapan pada pembukaan Sidang Kemuncak Asean Keenam, di sini hari ini.

Selain semua ketua negara Asean, turut hadir ialah Perdana Menteri Kemboja, Hun Sen, yang masih duduk di bawah status pemerhati.

Turut mengalu-alukan kemasukan Kemboja ke dalam Asean ialah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mengucapkan tahniah kepada Van Khai, kerana bekerja keras untuk memastikan kemasukan Kemboja ke dalam gagasan ini.

"Keputusan ini membolehkan kami (ketua-ketua negara Asean) mengalu-alukan kehadiran Kemboja sebagai ahli Asean dalam satu upacara yang akan diadakan di Hanoi nanti," katanya.

Keputusan penerimaan Kemboja itu dicapai pada mesyuarat selepas majlis makan malam, malam tadi.

Walaupun keputusan itu melenyapkan harapan Kemboja dan Vietnam, untuk melihat upacara itu diadakan di sidang kemuncak kali ini, ia melegakan semua pihak, terutama Hun Sen yang dalam siri lawatan rasmi ke Vietnam selama dua hari.

Hun Sen ternyata turut bekerja keras untuk meyakinkan ketua-ketua negara Asean mengenai keikhlasan negaranya menyertai Asean apabila mengadakan pertemuan dengan hampir semua ketua negara sehari suntuk semalam.

Tetapi, Singapura ternyata bertegas dengan pendirian untuk melihat Kemboja membentuk Senatnya dulu sebelum diterima masuk sebagai ahli.

Bagaimanapun, Perdana Menternya, Goh Chok Tong, ketika berucap pada upacara pembukaan hari ini turut mengalu-alukan keputusan menerima masuk Kemboja pada tarikh yang akan ditetapkan kemudian.

Presiden Indonesia, B J Habibie, turut mengalu-alukan kemasukan Kemboja.

"Dengan semua 10 negara Asia Tenggara berada dalam gagasan Asean, wawasan pemimpin perintis kita untuk membentuk rantau Asia Tenggara yang aman sudah dipenuhi. Ternyata Asean berjaya mencapai kekuatan sepenuhnya ketika kita memang memerlukannya," katanya.

(END)

